



## **Kehidupan kelas menengah Malaysia: Satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan**

Fidlizan Muhammad<sup>1</sup>, Azila Abdul Razak<sup>1</sup>, Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>1</sup>, Fatimah Salwa Abdul Hadi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

Correspondence: Fidlizan Muhammad (email: [fidlizan@fpe.upsi.edu.my](mailto:fidlizan@fpe.upsi.edu.my))

### **Abstrak**

Perancangan kewangan penting untuk memastikan kehidupan pada masa kini dan hadapan dapat diurus dengan baik. Bagi kumpulan berpendapatan tetap yang terdiri dari kelompok berpendapatan sederhana dan tinggi, perbelanjaan perlu diuruskan secara berhemah bagi mengimbangi kekangan dan bebanan yang dihadapi. Sehubungan itu, kajian ini cuba untuk mengenalpasti corak perbelanjaan pendapatan tetap diperolehi oleh guru-guru terhadap beberapa jenis pemilikan aset. Antaranya ialah aset kediaman, kenderaan, pelaburan serta insurans. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Seramai 812 orang guru terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan hasil analisis, motif mendiami sendiri didapati lebih dominan berbanding sewaan dalam pemilikan aset kediaman pertama. Dalam kes pelaburan pula, didapati pilihan jangka masa melabur adalah antara lima hingga 10 tahun, manakala 18 peratus guru mempunyai pelan insurans untuk diri dan pendidikan anak-anak. Hasil kajian ini menunjukkan perolehan pendapatan tetap dan terjamin memberi kelebihan dalam membuat perancangan kewangan yang baik.

**Katakunci:** corak perbelanjaan, kelas menengah, pelaburan, pemerolehan aset hartanah, pendapatan tetap, perancangan kewangan

## **Middle class life in Malaysia: A case study of teachers' spending patterns on asset ownership and financial investment**

### **Abstract**

Financial planning is essential for proper life management. For the middle class, permanent and regular incomes provide both the opportunities and challenges in spending management. The opportunities refer to saving and possibilities while the challenges pertain to the imperative of efficient financial management to balance things up. This study took a closer look at the spending patterns of 812 Malaysian teachers with respect to asset acquisition and financial investment such as property assets, vehicles, investments and insurances. The primary data were obtained through questionnaire surveys. Based on the analysis, the motive of residing was more dominant than renting for first property ownership. In the case of investment, it was found that the preferred investment period ranged from 5 to 10 years with 18 percent of the teachers subscribing to life insurances and children education plans. The findings suggest that earning permanent and secured income gives the middle class real advantage for better financial planning.

**Keywords:** financial planning, investment, middle class, property acquisition, secured incomes, spending pattern

## Pengenalan

Pemilikan aset merupakan indikator pengurusan sumber pendapatan individu atau isi rumah bagi mencapai tingkat kesejahteraan yang diinginkan (Magrabi et al., 1991). Perbelanjaan pendapatan lebih mudah dirancang bagi individu yang memperoleh pendapatan secara tetap sama ada bekerja di sektor awam atau swasta. Penggunaan pendapatan kumpulan ini umumnya selari dengan Hipotesis Pendapatan Tetap (Friedman, 1957) di mana isi rumah membelanjakan satu kadar tertentu dan berterusan dari wang yang diperoleh. Corak perbelanjaan sesebuah isi rumah dilakukan mengikut hierarki kepentingan dan memberikan faedah umum kepada setiap ahli keluarga. Keperluan asas seperti makanan, perlindungan, pakaian dan tempat tinggal merupakan senarai produk yang diutamakan dalam penggunaan pendapatan sebelum perbelanjaan terhadap barang atau perkhidmatan dalam kategori kehendak (Maslow, 1954).

Bagi penggubal polisi, memahami corak penggunaan pendapatan ini amat penting untuk menyediakan satu dasar yang mampu mengimbangi keperluan rakyat. Walau pun peningkatan ekonomi memberi kesan faedah dalam meninggikan pendapatan per kapita individu sesebuah negara, namun tekanan inflasi akan menjejaskan kemampuan individu untuk membeli (Bailard et al., 1977). Kenaikan dalam kadar tingkat pendapatan yang tidak selari dengan perubahan dalam kadar inflasi dan kenaikan harga rumah misalnya, akan menyebabkan tekanan dalam perbelanjaan hidup sesebuah keluarga. Sehubungan itu, kecekapan isi rumah mengurus dan membelanjakan pendapatan merupakan penyelesaian dalam meminimumkan tekanan berhadapan dengan senario inflasi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengeksplorasi corak pemilikan aset kewangan dalam kalangan golongan yang bekerja dan berpendapatan tetap khususnya melibatkan guru-guru sekolah kerajaan di Malaysia.

Fokus responden dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah dijalankan atas justifikasi peningkatan dalam kadar inflasi didapati lebih signifikan memberi kesan kepada kos hidup bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana (BNM, 2010). Berdasarkan kepada kelas pendapatan di Malaysia, kumpulan berpendapatan sederhana semakin bertambah. Kumpulan pertengahan ini menerima pendapatan bulanan antara RM2,300 hingga RM5,599. Bagi kumpulan ini, tahap pendapatan yang diterima berada dalam kategori pendapatan penengah dan purata negara. Misalnya, pendapatan purata dan penengah bagi tahun 2004 dan 2014 masing-masing ialah RM3,249, RM5,919, RM2,211 dan RM4,258 (Laporan Ekonomi, 2014/2015; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Memandangkan kedudukan pendapatan purata dan penengah menjadi topik perbincangan dalam mengukur agihan pendapatan yang seimbang, maka pemilihan kumpulan ini dapat memberi gambaran berkaitan corak penggunaan pendapatan bagi tujuan pemilikan harta. Responden guru dipilih bagi mewakili pekerjaan sektor awam dalam kumpulan berpendapatan sederhana disebabkan jumlahnya yang besar iaitu 1/3 daripada keseluruhan kakitangan awam yang berjumlah 1.4 juta orang. Selain itu, lokasi kerja yang merangkumi seluruh negeri dan daerah dalam negara dapat memberi gambaran lebih terperinci berkaitan corak pemilikan aset.

Perbincangan dalam kajian ini diorganisasi kepada lima bahagian. Bahagian dua ialah kajian lepas, manakala bahagian tiga dan empat adalah metodologi dan hasil analisis kajian. Bahagian lima membincangkan berkaitan rumusan dan cadangan kajian. Perbincangan kajian ini dapat memberikan sumbangan baharu dalam kajian di Malaysia. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas di Malaysia tertumpu kepada perancangan perbelanjaan melibatkan kelompok atau masyarakat tertentu (Jarrah, 1982; Nordin, 1976) dan pekerja migran (Laily & Nurizan, 1997). Perkembangan kajian semasa pula lebih menumpukan kepada elemen literasi dan perancangan kewangan disebabkan senario ini masih baharu di Malaysia (Hui Boon, Siew Yee & Woan Ting, 2011). Walaupun pihak Jabatan Perangkaan Malaysia sering menjalankan kajian pendapatan isi rumah, namun laporan yang diketengahkan tidak mendedahkan berkaitan corak pemilikan aset kewangan sesebuah isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

## Kajian lepas

Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas, penggunaan pendapatan atau perbelanjaan dapat dikategori kepada dua bahagian. Pertama, kajian memfokuskan kepada perancangan kewangan meliputi elemen literasi, pengurusan dan perbelanjaan, manakala yang kedua ialah perbelanjaan pendapatan bagi tujuan pemilikan aset. Skop kedua dalam senario di Malaysia didapati kurang dikaji daripada kalangan penyelidik.

Kajian berkaitan perancangan kewangan mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik di Malaysia pada tahun 2001 dan semakin berkembang sehingga kini (Muhammad Ridhwan et al., 2014). Elemen pengurusan kewangan terhadap perbelanjaan isi rumah merupakan kajian awal oleh Jariah (1982) yang melibatkan 173 buah isi rumah Melayu dan Cina di Kuala Lumpur sebagai responden. Melalui kajian ini, mereka mendapati keluarga Cina mempunyai pendapatan, perbelanjaan dan simpanan yang lebih banyak berbanding keluarga Melayu. Rentetan itu, aspek pendidikan disaran amat penting untuk diterapkan bagi menambah baik taraf kehidupan keluarga khususnya dalam kalangan keluarga Melayu. Kepentingan elemen pendidikan dibuktikan signifikan membezakan corak perbelanjaan pekerja dalam pelbagai sektor di Malaysia selain faktor umur dan taraf perkahwinan (Laily & Nurizan, 1997).

Sehubungan dengan dapatan ini, banyak kajian selepasnya mengkaji elemen pendidikan terhadap pengurusan kewangan berasaskan konsep literasi. Kepentingan literasi kewangan ini mendapat kajian merangkumi pelbagai skop muamalah seharian. Antaranya, Mahdzan dan Tabiani (2013) berkaitan kesan literasi terhadap simpanan individu yang melibatkan 200 orang responden di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan regresi probit dan mendapati hubungan yang signifikan antara pengetahuan kewangan dengan kadar simpanan. Selain simpanan, perancangan kewangan juga didapati mempunyai kesan perantaraan (mediating effect) positif dan signifikan terhadap persediaan persaraan yang melibatkan 750 orang responden (Jee Yoong, Loo See & Baronovich, 2012). Dapatan analisis yang sama turut dilaporkan dalam kajian Moorthy et al. (2012) di mana perancangan kewangan bagi tujuan persaraan pada peringkat awal menunjukkan kumpulan pekerja berusia muda lebih bersedia menghadapi alam persaraan berbanding pekerja yang lebih berusia. Mohamad Fazli dan Tze Juen (2014) pula mendapati bahawa pengurusan kewangan merupakan pemboleh ubah paling penting berbanding pemboleh ubah literasi dan corak simpanan dalam kalangan pekerja wanita untuk menghadapi zaman persaraan.

Rosle et al. (2013) menyiasat sejauh mana pengetahuan kewangan oleh seseorang individu mempengaruhi amalan perbelanjaan dalam pendapatan bagi menghadapi senario persaraan. Beliau mendapati bahawa individu yang berpengetahuan berkaitan kewangan dan persaraan memiliki dan menyediakan diri dengan pelbagai pelan kewangan seperti harta tanah, pelaburan dan tabungan. Namun demikian, pemilikan insuran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan persaraan atas faktor tekanan kos perubatan semasa yang semakin meningkat. Ini menyebabkan peruntukan perbelanjaan pendapatan bagi tujuan insurans kesihatan adalah minimum khususnya untuk melindungi diri dan keluarga dalam menampung kos-kos kesihatan semasa hidup sahaja (Lai & Tan, 2009). Selain itu, faktor kehidupan warga tua di Malaysia yang umumnya menjalani kehidupan bersama-sama anak menyebabkan kelompok ini adalah sebahagian daripada tanggungan di bawah anak-anak. Rentetan itu, kos kesihatan yang dihadapi akan ditampung melalui skim perlindungan pekerjaan yang disertai oleh anak-anak (Benjamin et al., 2010). Dapatan hasil kajian-kajian perancangan persaraan ini adalah selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Ekerdt dan Hackney (2002), Joo dan Grable (2005) dan juga Lusardi (2007) terhadap persediaan kewangan oleh kalangan golongan pekerja dalam menempuhi tempoh bersara.

Sehubungan itu, kepentingan elemen literasi atau pengetahuan kewangan terhadap kesejahteraan kewangan keluarga tidak dapat dinafikan. Individu atau isi rumah yang mempunyai tingkat pengetahuan kewangan yang baik didapati positif meningkatkan kesejahteraan kehidupan melalui gaya perbelanjaan yang lebih efisien (Azwadi Ali et al., 2013; Rose & Hubber, 1985). Pada masa kini, kajian literasi kewangan tertumpu kepada kelompok muda. Delafrooz dan Laily (2011) mendapati bahawa individu yang kurang dari segi literasi kewangan dan perancangan kewangan berhadapan dengan tekanan untuk mengurus pendapatan. Antara risiko penting yang dihadapi dalam kalangan pekerja muda ialah tiadanya peruntukan pendapatan bagi tujuan simpanan. Sehubungan itu, program pendidikan perancangan

keuangan di tempat kerja disaran perlu dilaksanakan bagi membimbing golongan pekerja muda mengurus kewangan dengan baik. Kepentingan penerapan pengetahuan kewangan untuk mengurangkan masalah kewangan dalam kalangan golongan pekerja muda ini turut disokong oleh Faoziah, Krishnan dan Norfiza (2013). Dalam kajian mereka yang melibatkan 430 orang golongan muda berusia antara 20 hingga 40 tahun mendapati bahawa tahap pengetahuan kewangan yang dimiliki adalah sederhana. Walau bagaimanapun tahap pengetahuan ini didapati mempunyai hubungan yang lemah dengan perancangan kewangan disebabkan faktor jaminan dalam pekerjaan sama ada dalam sektor awam dan swasta di Malaysia. Tekanan dalam kos kehidupan mampu diminimumkan dengan kenaikan pendapatan tahunan yang diterima.

Kajian pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar pula semakin berkembang pada masa kini di Malaysia. Antaranya ialah kajian oleh Dahlia, Rabitah dan Zuraidah (2009) melibatkan 200 pelajar sarjana muda Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah. Hasil analisis mereka menunjukkan bahawa perbelanjaan pelajar secara majoritinya tidak dirancang dengan baik. Hal ini dikaitkan dengan tanggapan akses perolehan wang yang mudah oleh pelajar bersumberkan biasiswa, pinjaman atau biaya keluarga. Rentetan itu, risiko kehidupan tanpa wang tidak dirasai akan berlaku dalam kalangan responden semasa zaman belajar. Mohamad Fazli, McDonald, Tahira dan Jariah (2010) pula mendedahkan kepentingan penglibatan ibu bapa untuk berkongsi maklumat kewangan keluarga yang didapati signifikan mempengaruhi corak pengurusan pelajar. Selain itu, pelajar yang terdedah dengan perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat turut menyumbang sebagai elemen penting menyumbang kepada kecekapan pengurusan kewangan pelajar. Sehubungan itu, kepentingan pengetahuan kewangan serta pengurusan disaran perlu diterapkan bagi memastikan golongan pelajar bersedia untuk merancang pendapatan yang diperolehi dengan lebih baik (Nor Azizah et al., 2013; Jariah et al., 2004).

Memandangkan banyak kajian tertumpu kepada elemen literasi atau pengetahuan, senario berlainan diperhatikan dalam kajian perbelanjaan pendapatan terhadap pemilikan aset oleh isi rumah di Malaysia. Beberapa kajian lepas yang diteliti menunjukkan pemilikan aset digunakan sebagai indikator status kewangan individu terhadap perbelanjaan pendapatan. Antaranya ialah Mohamad Fazli dan Teo (2014) yang mendapati bahawa 39 peratus daripada 708 orang wanita memiliki tahap aset yang melebihi daripada jumlah hutang, manakala 24 peratus pula dalam keadaan sebaliknya. Namun demikian, jenis dan bilangan aset yang dibelanjakan ke atas hasil pendapatan tidak dibincangkan dalam kajian berkenaan. Situasi ini berbeza dengan kajian-kajian berkaitan pemilikan aset oleh masyarakat di luar negara. Chowa, Ansong dan Ibrahim (2007) misalnya telah meneliti berkaitan pemilikan aset oleh kaum wanita dan kanak-kanak. Melalui kajian ini, interpretasi pemilikan aset telah diperluaskan dan tidak terhad hanya kepada aspek fizikal atau maujud sahaja. Hasil daripada perbelanjaan pendapatan kini yang diraih pada masa hadapan juga turut terkandung sebagai aset. Antaranya ialah kejayaan pendidikan keluarga dan tahap kesihatan yang sejahtera. Berdasarkan aspek ini, maka kajian pemilikan aset masyarakat pada masa kini perlu mengandungi perbelanjaan pendapatan terhadap pendidikan dan juga kesihatan ahli keluarga.

Doss (2005) pula menganalisis gaya perbelanjaan dalam kalangan masyarakat wanita di Ghana. Kajian ini berbeza dengan kajian pengurusan dan perancangan perbelanjaan yang dilaksanakan dalam kajian oleh Jariah (1982) dan Laily dan Nurizan (1997) di Malaysia. Kajian oleh Doss (2005) memfokuskan kesan daripada pemilikan syer atau sumbangan secara bersama-sama oleh kaum wanita terhadap perbelanjaan keluarga. Menariknya, penyertaan pendapatan wanita dalam perbelanjaan keluarga membentuk satu corak perbelanjaan terhadap pendapatan suami. Contohnya, bagi masyarakat di bandar, perbelanjaan makanan dirancang menggunakan pendapatan isteri. Senario ini memberikan kemampuan kepada suami untuk menggunakan pendapatan mereka bagi tujuan pendidikan dan juga kesihatan. Bagi masyarakat luar bandar di Ghana, perbelanjaan bagi tujuan makanan, pendidikan dan keperluan rumah menggunakan pendapatan isteri, manakala perbelanjaan kesihatan, rekreasi dan kelengkapan rumah menggunakan pendapatan lelaki. Corak perbelanjaan berasaskan perkongsian perbelanjaan mencorakkan keupayaan isi rumah di Ghana untuk membeli aset, tanah, simpanan, perbelanjaan pendidikan dan juga kesihatan.

Merry dan Thomas (2014) mengkaji secara lebih terperinci corak pemilikan aset dalam kalangan isi rumah muda di Amerika melalui data bancian dari tahun 1989 hingga 2013. Jenis aset dikategorikan kepada tujuh jenis, antaranya ialah akaun transaksi, kenderaan, perumahan, dan perniagaan. Turut

termasuk dalam tujuh kategori ini adalah aset seperti pinjaman, unit amanah, bon, anuiti, saham, pelaburan, insuran pendidikan dan kesihatan. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pemilikan aset kategori kenderaan dalam kalangan orang muda adalah signifikan. Keadaan ini berbeza dalam kes akaun simpanan atau tabungan yang dipengaruhi oleh turun naik kadar bunga benar dalam pasaran. Melalui kajian ini, turut didapati antara satu hingga dua peratus golongan muda memiliki tanah, namun tidak memiliki rumah.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas ini beserta kurangnya tumpuan kajian berdasarkan pendekatan kajian Merry dan Thomas (2014) yang dilakukan di Malaysia, maka kajian ini cuba mengeksplorasi jenis-jenis pemilikan aset ini dalam kalangan masyarakat Malaysia. Melalui pendekatan ini, keupayaan masyarakat untuk memiliki aset-aset utama dan sampingan dapat memberi jawapan yang lebih jelas terhadap pengurusan dan perancangan kewangan.

## **Metodologi**

Untuk mencapai objektif kajian, kajian berbentuk tinjauan melalui borang soal selidik dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mengenal pasti aset-aset yang dimiliki oleh responden berdasarkan pendapatan individu atau isi rumah. Bagi mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan, satu set borang soal selidik telah disediakan. Soal selidik ini disediakan berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas berkaitan corak pengurusan, perbelanjaan dan pemilikan aset seperti Juriah (1982), Laily dan Nurizan (1997), Mohd Fazli dan Teo (2014), serta Merry dan Thomas (2014). Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama ialah profil responden yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, tahap perkahwinan, tahap pendidikan dan bilangan tanggungan. Bahagian kedua pula ialah jenis-jenis aset yang dimiliki seperti rumah, kenderaan, insurans, pinjaman peribadi dan pelaburan. Bagi aset rumah, responden perlu menyatakan bilangan rumah yang dimiliki serta status penggunaan, tempoh masa pinjaman bagi aset kenderaan, pinjaman peribadi dan pelaburan.

Bagi tujuan pengumpulan data, perkhidmatan pembanci digunakan. Pembanci yang dipilih adalah terdiri daripada kumpulan guru sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Enam buah negeri terlibat dalam kajian ini iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Terengganu dan Pahang. Sebanyak 1000 borang soal selidik diedarkan dalam tempoh masa Oktober 2014 sehingga Februari 2015. Hasil daripada bancian menunjukkan sebanyak 840 borang telah dikembalikan. Namun demikian, sebanyak 812 borang soal selidik sahaja dapat dianalisis disebabkan maklumat aset yang diperlukan tidak dinyatakan dengan lengkap. Analisis data adalah berbentuk deskriptif memandangkan kajian ini bertujuan mengeksplorasi bentuk-bentuk pemilikan aset yang dimiliki oleh guru. Bentuk analisis ini selari dengan analisis yang dilakukan oleh Merry dan Thomas (2014) dalam membincangkan pemilikan aset dalam kalangan orang muda.

## **Hasil analisis**

Dapatan analisis kajian ini dibincangkan dalam dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan profil responden, manakala bahagian kedua adalah bentuk-bentuk pemilikan aset.

### *Profil responden*

Dalam kajian ini, seramai 812 orang guru terlibat. Analisis deskriptif profil demografi dan sosio ekonomi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1. Profil responden**

Ciri-ciri	Keterangan	Bilangan	Peratus
Jantina	Perempuan	555	68.3
	Lelaki	257	31.7
Umur (tahun)	20-27	72	8.9
	28-35	235	28.9
	36-42	187	23.0
	43-50	243	29.9
	51-60	75	9.2
Bangsa	Melayu	646	79.6
	Cina	113	13.9
	India	22	2.7
	Lain-lain	31	3.8
Status Perkahwinan	Bujang	133	16.4
	Berkahwin	666	82.0
	Ibu/Bapa Tunggal	13	1.6
Pendidikan	SPM/STPM/Diploma	117	14.4
	Ijazah Pertama	639	78.7
	Ijazah Lanjutan	56	6.9
Pendapatan Isi rumah (RM)	2,000 – 2,500	46	5.7
	2,501-4,000	178	21.9
	4,001-5,500	148	18.2
	5,501-7,000	162	20.0
	7,001-8,500	97	11.9
	8,501-10,000	123	15.1
	10,001-11,500	17	2.1
	11,501-13,000	20	2.5
	>13,001	21	0.9
Bilangan Tanggungan	0	99	12.2
	1-2	215	26.5
	3-4	297	36.6
	5-6	156	19.2
	7-8	41	5.0
	9 dan ke atas	4	0.5

Berdasarkan Jadual 1, seramai 555 atau 68 peratus responden adalah guru wanita, manakala 28 peratus pula merupakan guru lelaki. Nisbah responden kajian mengikut jantina ini adalah selaras dengan peratus guru wanita di Malaysia sehingga tahun 2014 iaitu 69.8 peratus (293,221 orang) (EPRD 2014). Dari aspek umur, 60 peratus guru merupakan golongan muda yang berusia antara 20 hingga 42 tahun, manakala 30 peratus berusia antara 43 hingga 50 tahun dan 10 peratus berusia lebih 50 tahun sehingga usia persaraan iaitu 60 tahun. Dari segi tahap pendidikan, lebih 85 peratus guru memiliki kelayakan akademik bertaraf sarjana muda dan sarjana lanjutan. Dari segi tanggungan pula, 62 peratus responden mempunyai bilangan anak antara satu hingga empat orang. Analisis pendapatan isi rumah pula menunjukkan 65 peratus guru mempunyai pendapatan antara RM2,000 hingga RM7,000 sebulan. Walaupun angka ini melebihi definisi pendapatan sederhana, namun berdasarkan andaian sumbangan pendapatan daripada suami atau isteri adalah sama, maka responden masih tergolong dalam kumpulan

berpendapatan sederhana. Sebanyak 26 peratus responden pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM7,001 hingga RM10,000 sebulan. Senario ini dapat dijustifikasikan dengan beberapa faktor seperti tempoh perkhidmatan, usia dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan. Berdasarkan profil responden yang ditunjukkan, dijangkakan bahawa kelompok responden yang mempunyai pendapatan isi rumah ini adalah berusia antara 43 hingga 50 tahun. Manakala responden yang memiliki pendapatan isi rumah melebihi RM10,000 pula adalah sebanyak 5.5 peratus atau 58 orang.

Berdasarkan profil responden ini, dapatan analisis kajian selanjutnya dapat memberi gambaran berkaitan pemilikan aset dalam kalangan guru khususnya kumpulan guru muda. Maklumat demografi seperti usia, tanggungan serta pendapatan isi rumah misalnya merupakan pemboleh ubah yang menarik untuk diteliti hubungannya dengan bentuk-bentuk aset yang dimiliki.

### *Pemilikan aset kediaman*

Analisis pemilikan aset dibincangkan dalam empat sub topik iaitu; (i) aset rumah; (ii) kenderaan dan pinjaman peribadi; (iii) pelaburan; dan (iv) aset insuran. Jadual 2 menunjukkan pemilikan aset rumah dalam kalangan isi rumah guru.

**Jadual 2. Pemilikan aset rumah**

Aset	Tujuan	Bilangan	Peratus
Rumah Pertama	Jumlah	752	92.61
	Didiami	587	78.06
	Disewa	165	21.94
Rumah Kedua	Jumlah	312	38.4
	Didiami	36	11.54
	Disewa	276	88.46
Rumah Ketiga	Jumlah	262	32.30
	Didiami	5	1.91
	Disewa	257	98.09

Berdasarkan Jadual 2, didapati 752 orang atau 92.6 peratus responden telah memiliki rumah yang dikategorikan sebagai rumah pertama. Umumnya, pembelian rumah pertama adalah bertujuan sebagai rumah kediaman sendiri dan ditunjukkan dengan 78 peratus responden menggunakan bagi tujuan tersebut. Namun demikian, terdapat 165 orang atau 22 peratus responden menjadikan rumah pertama bagi tujuan sewaan. Dua faktor dapat dihubungkan dengan situasi ini. Pertama ialah perpindahan tempat kerja pasangan atau responden sendiri atas justifikasi kerja atau keluarga, dan kedua ialah pertambahan isi rumah atau tanggungan yang memerlukan saiz rumah serta kemudahan yang lebih baik. Justifikasi kajian oleh Becker (1952) di Chicago pula menunjukkan antara sebab perpindahan guru dari sesebuah sekolah ialah ketidakpuasan sosial yang dilalui individu terhadap persekitaran kediaman. Persekitaran kurang kondusif ini memberi tekanan kepada pelajar yang akhirnya memberi implikasi kepada guru dan sekolah untuk menangani permasalahan ini. Faktor ini turut diakui oleh Greenberg dan McCall (1974) di Michigan di samping mendapati mobilisasi guru berlaku disebabkan pengaruh guru sendiri. Contohnya, guru yang mempunyai pencapaian akademik tinggi serta berasal dari latar belakang keluarga yang senang kurang selesa ditempatkan di kawasan luar bandar, kemudahan yang tidak setara dengan kehidupan sosial serta tahap pemikiran yang berbeza. Sejauh mana faktor-faktor ini relevan di Malaysia menarik untuk dikaji secara lebih terperinci. Contohnya, analisis silang dengan pemboleh ubah seperti dalam Jadual 3 menunjukkan 78.8 peratus atau 130 buah rumah merupakan aset sewaan bagi kumpulan guru muda berusia antara 20 hingga 42 tahun, manakala hanya 35 buah sahaja bagi kumpulan guru berusia antara 43 hingga 60 tahun.

**Jadual 3. Analisis silang sewaan rumah 1 mengikut umur**

Umur	Sewaan
20-27	33
28-35	70
36-42	27
43-50	31
51-60	4
JUMLAH	165

Bagi mengenal pasti secara lebih jelas dapatan Jadual 3 yang dikaitkan dengan golongan guru muda, analisis silang dengan pemboleh ubah jantina dilaksanakan. Pemilihan faktor gender dikaitkan dengan tanggungjawab penyediaan keperluan asas sebuah keluarga. Faktor ini memberikan satu kelebihan kepada golongan guru wanita untuk menggunakan pendapatannya bagi tujuan keluarga dan lain-lain. Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis silang dengan pemboleh ubah jantina. Berdasarkan Jadual 4 didapati rumah pertama yang digunakan bagi tujuan sewaan merupakan milik golongan guru wanita. Dapatan awal ini dapat membuktikan perkaitan antara tanggungjawab golongan guru wanita dalam menyediakan keperluan asas sebuah keluarga dapat memberikan kelebihan dari segi pengurusan kewangan untuk kemaslahatan keluarga bersama-sama.

**Jadual 4. Analisis silang sewaan rumah 1 mengikut jantina**

Jantina	Sewaan
Lelaki	56
Perempuan	109
JUMLAH	165

Analisis lanjut Jadual 2 pula menunjukkan bahawa 38 peratus (312 orang) guru membelanjakan pendapatan bagi tujuan pembelian aset rumah kedua. Kumpulan ini mewakili sebanyak 41.5 peratus daripada kumpulan guru yang memiliki rumah pertama. Dari sudut penggunaan, 12 peratus digunakan bagi tujuan kediaman sendiri, manakala 88 peratus bagi tujuan sewaan. Jadual 5 menunjukkan analisis silang antara penggunaan rumah pertama dan rumah kedua bagi mengenal pasti motif pelaburan daripada aset rumah kedua.

**Jadual 5. Analisis silang antara rumah pertama dan rumah kedua mengikut tujuan sewaan**

Aset Pertama	Aset Kedua	Catatan*
	Disewa	
Didiami	190	
Disewa	86	165 – 86 = 79*

\*pengiraan bagi mendapatkan bilangan responden dalam kategori mendiami rumah kedua, sewaan rumah pertama

Berdasarkan Jadual 5, dapat dibuat rumusan bahawa perbelanjaan daripada pendapatan bagi rumah kedua adalah bermotifkan pelaburan atau sewaan. Analisis berdasarkan faktor jantina pula menunjukkan bahawa 188 buah rumah kedua yang disewa dibelanjakan menggunakan pendapatan guru wanita. Dua penemuan menarik untuk dianalisis secara lebih lanjut. Pertama, terdapat seramai 86 orang guru dapat dikategorikan membelanjakan pendapatan bagi tujuan sewaan bagi kedua-dua rumah. Kedua, hasil analisis silang dengan pemboleh ubah jantina menunjukkan bahawa senario lebih menarik seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.



**Jadual 6. Analisis silang sewaan rumah kedua mengikut jantina**

Umur	Sewaan
20-27	25
28-35	85
36-42	61
43-50	81
51-60	24
JUMLAH	276

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa kumpulan guru muda yang berusia antara 20 hingga 42 tahun merupakan kumpulan dominan yang menjadikan rumah kedua sebagai pelaburan atau sewaan iaitu 61.9 peratus atau 171 buah. Memandangkan profil demografi responden kajian ini tidak melibatkan pekerjaan serta pendapatan pasangan dan lokasi aset, maka sejauh mana pemboleh ubah ini berhubungan dengan corak perbelanjaan ini dapat dikaji pada masa hadapan. Namun demikian, motif pelaburan ini dapat dikaitkan dengan faktor celik ekonomi oleh golongan berpendidikan dan muda yang menyedari berkaitan kenaikan harga hartanah pada masa depan. Sehubungan itu, pertumbuhan kawasan perbandaran baharu dengan nilai aset yang mampu ditampung serta disokong dengan peningkatan pendapatan individu atau isi rumah dan usia muda mendorong mereka melakukan pelaburan bagi jaminan generasi hadapan (Maznita & Azman, 2013; Roza, Noor Ismawati & Sabitha, 2012).

Analisis bagi rumah ketiga daripada Jadual 2 menunjukkan bahawa seramai 262 orang responden (32.30 peratus) memiliki aset tersebut dengan 98 peratus digunakan bagi tujuan sewaan. Berdasarkan andaian 86 orang responden (Jadual 5) yang menyewakan rumah kedua telah menjadikan aset rumah ketiga sebagai kediaman kekal, sebanyak 81 orang responden dalam kalangan guru dapat dikategorikan sebagai pelabur aktif dalam pasaran aset kediaman. Keupayaan kumpulan ini membelanjakan wang pendapatan bagi tujuan pembelian aset kediaman ini dapat diandaikan berkait dengan pendidikan, pendapatan serta pekerjaan pasangan yang sesuai untuk dikaji pada masa depan. Analisis silang ketiga-tiga aset yang digunakan bagi tujuan sewaan mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7. Analisis silang sewaan kediaman mengikut jantina**

Status	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Sewaan Rumah 1, 2 dan 3	26 (32.1%)	55 (67.9%)

Berdasarkan Jadual 7, didapati 68 peratus pelabur aktif adalah terdiri daripada responden guru wanita. Dapatan ini merumuskan kebaikan perancangan pendapatan isi rumah yang memberi manfaat terhadap sesebuah keluarga dalam jangka masa pendek dan panjang.

*Pemilikan aset menerusi pembiayaan*

Analisis pemilikan pada bahagian ini merangkumi tiga bentuk aset iaitu kenderaan, pelaburan dan pinjaman peribadi. Jadual 8 menunjukkan ketiga-tiga aset ini berdasarkan tempoh masa pembiayaan dan pelaburan.

**Jadual 8. Aset kenderaan, pelaburan dan pinjaman peribadi**

Aset	Tempoh (tahun)	Bilangan	Peratus
Kenderaan Pertama	Jumlah	689	84.9
	1-5	96	13.9
	6-10	593	86.1
Kenderaan Kedua	Jumlah	380	46.2
	1-5	32	8.4
	6-10	348	91.6
Pelaburan	Jumlah	367	45.2
	1-5	20	5.5
	5-10	264	71.9
	11-15	28	7.6
	16-20	27	7.4
	>20	28	7.6
Pinjaman Peribadi	Jumlah	443	54.6
	1-5	31	7.0
	5-10	306	69.0
	11-15	42	9.5
	16-20	64	14.5

Berdasarkan Jadual 8, 85 peratus responden guru menggunakan pendapatan yang diperolehi bagi tujuan pembelian kenderaan pertama. Majoriti responden iaitu 86 peratus memilih tempoh masa pinjaman antara 6 hingga 10 tahun, manakala hanya 14 peratus memilih tempoh pinjaman kurang daripada 6 tahun. Daripada jumlah responden yang memiliki kenderaan, seramai 1,380 orang atau 55.2 peratus turut memiliki kenderaan kedua dengan corak tempoh masa pinjaman adalah sama sebagaimana pinjaman kenderaan pertama. Menurut statistik hutang isi rumah tahun 2009 di Malaysia, pinjaman kenderaan merupakan hutang kedua terbanyak selepas pinjaman perumahan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Namun demikian, beberapa faktor dikenal pasti dapat menerangkan pemilikan dua buah kenderaan sama ada oleh individu atau isi rumah. Antaranya ialah saiz keluarga, lokasi kerja berasingan antara pasangan, matlamat penggunaan serta kadar pinjaman perbankan (Potoglou & Kanaroglou, 2008; Matas & Raymond, 2008; Tan & Santhi, 2014). Keperluan isi rumah khususnya kepada dua buah kenderaan atau lebih dapat dijustifikasikan kepada jarak kediaman ke sekolah rendah dan menengah yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) di mana jarak purata bagi sekolah rendah ialah 9.8 kilometer, manakala ke sekolah menengah pula ialah 20.6 kilometer. Pecahan mengikut kategori bandar dan luar bandar pula menunjukkan jarak antara rumah kediaman ke sekolah rendah dan menengah luar bandar adalah lebih jauh. Terdapat beberapa pengkaji yang mendapati ketakpadanan kewangan untuk membeli kenderaan kedua atau terdorong dengan motif imej yang akan memberikan risiko kepada pemilikan kenderaan kedua atau tambahan (Eggert & Ulaga, 2002; Mahmud et al., 2008; Ching & Hsi, 2008).

Dari sudut pelaburan pula, 45.2 peratus responden mempunyai akaun pelaburan di mana seramai 72 peratus daripada responden tersebut melabur dalam tempoh masa antara 5 hingga 10 tahun. Antara jenis akaun pelaburan yang popular adalah Amanah Saham Bumiputera di mana kemudahan pelaburan ini dipermudahkan melalui produk-produk perbankan. Hal ini disokong berdasarkan analisis pinjaman peribadi yang menunjukkan pilihan tempoh masa pinjaman juga selari dengan tempoh pembiayaan.

*Pemilikan aset insuran*

Analisis pemilikan aset berbentuk insuran merangkumi dua kategori iaitu insurans hayat dan pendidikan. Jadual 9 menunjukkan bilangan responden yang memiliki kedua-dua jenis aset berkenaan.

**Jadual 9. Pemilikan aset insuran**

Jenis Insuran	Bilangan	Peratus
Insuran Hayat	378	46.5
Insurans Pendidikan	202	24.9

Berdasarkan Jadual 9, didapati perbelanjaan pendapatan bagi tujuan kedua-dua insuran adalah sederhana bagi insurans hayat dan rendah bagi insurans pendidikan. Analisis tanggungan atau penyertaan insurans mengikut kategori jantina ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10. Analisis penyertaan insurans mengikut jantina**

Jantina	Jenis Insurans		
	Insurans hayat/Kesihatan	Insurans Pendidikan	Insurans Hayat & Pendidikan
Lelaki	123	149	39
Perempuan	255	53	107
JUMLAH	378	202	146

Berdasarkan Jadual 10, didapati penyertaan bagi setiap insuran dan kedua-dua jenis insurans adalah lebih cenderung kepada guru wanita. Memandangkan penyertaan insurans ini sederhana, dapatan ini selaras dengan dapatan kajian bancian oleh Persatuan Insuran Hayat Malaysia (LIAM) berkaitan Kajian Jurang Perlindungan pada tahun 2012/2013. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia berada pada tahap di bawah perlindungan (*underinsured*) di mana jangkaan kewangan yang diperlukan oleh sebuah keluarga yang terdiri daripada lima ahli serta ketua keluarga menyertai insuran hayat dan pendidikan bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak RM553 ribu. Manakala, bagi ketua keluarga yang tidak menyertai sebarang insurans pula memerlukan jumlah kewangan lebih besar iaitu RM723 ribu. Secara makro, kadar penembusan insurans di Malaysia masih rendah iaitu pada kadar 4 hingga 5 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 10 dan 12 peratus di Hong Kong dan Jepun (Ahmad, 2014). Secara purata, masyarakat Malaysia hanya memperuntukkan RM442 setahun daripada jumlah pendapat per kapita yang diperolehi bagi tujuan insuran hayat (Benjamin et al. 2010). Memandangkan bidang pekerjaan guru merupakan sebahagian perkhidmatan awam di Malaysia, jaminan perkhidmatan dalam pekerjaan sama ada sebelum dan selepas bersara merangkumi kos kesihatan yang ditanggung oleh pihak kerajaan turut menyumbang kepada statistik berkenaan (Ling & Fernandez, 2010).

**Kesimpulan**

Pemilikan aset merupakan indikator perancangan dan perbelanjaan kewangan yang baik. Bagi pekerja sektor awam di Malaysia, memperoleh pendapatan tetap bulanan memberikan satu kelebihan dalam perancangan kewangan khususnya perbelanjaan terhadap aset. Penemuan menarik daripada analisis yang diperolehi merumuskan bahawa pendapatan wanita atau isteri merupakan pelengkap kepada perbelanjaan sesebuah keluarga. Rentetan itu, isi rumah yang mempunyai pasangan berkerjaya diyakini mempunyai kelebihan untuk merancang keperluan kehidupan yang baik untuk jangka masa pendek dan panjang.

Kewangan keluarga yang dirancang dengan baik sama ada secara individu atau bersama-sama pasangan memberi manfaat berbentuk kemampuan untuk membeli sebilangan jumlah aset kediaman. Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan 10 peratus guru dapat dikategorikan sebagai pelabur aktif melibatkan aset kediaman. Bagi aset-aset lain seperti kenderaan, pelaburan, pinjaman peribadi dan insurans menunjukkan situasi normal. Namun demikian, penekanan kepentingan dalam skim insurans perlu diberi keutamaan pada masa depan terutama kepada golongan lelaki. Walaupun kakitangan awam mempunyai wang persaraan selepas tamat perkhidmatan, namun penyertaan dalam skim insurans dapat memberikan nilai perlindungan yang lebih baik untuk keluarga sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan. Susulan dapatan analisis ini, beberapa contoh kajian lanjut disarankan. Antaranya ialah kajian untuk mengenal pasti secara lebih lanjut faktor-faktor yang mengupayakan senario kemampuan isi rumah memiliki aset kediaman yang banyak. Contohnya, nilai serta lokasi aset serta jenis pekerjaan dan pendapatan pasangan. Selain itu, kajian lanjut untuk mengetahui sejauh mana sumbangan dan penggunaan pendapatan wanita dibelanjakan bagi tujuan pengumpulan aset dalam sesebuah keluarga. Hasil kajian ini kemudiannya dapat dihubungkan dengan konsep harta sepencarian yang sering dibincangkan apabila berlakunya permasalahan dalam institusi keluarga.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai melalui Geran Penyelidikan Universiti oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI.

## Rujukan

- Ahmad Maslan (2014) Keynote Address, Officiating the launch of “The Story Of Gap: Charting Takaful Growth In Malaysia” 27th June 2014 Lanai Kijang, Kuala Lumpur. [Cited 15/3/2015]. Available from: [http://www.treasury.gov.my/pdf/ucapan/2014/story\\_of\\_gap.pdf](http://www.treasury.gov.my/pdf/ucapan/2014/story_of_gap.pdf).
- Azwadi Ali, Mohd SA Rahman, Alif Bakar (2013) Financial Literacy and Satisfaction in Malaysia: A Pilot Study. *International Journal of Trade, Economics and Finance* 4(5), 319-324.
- Bailard TE, Biehl DC, Kaiser RW (1977) *Personal Money Management* 2<sup>nd</sup> ed. Science Research Association Inc, United States.
- Becker HS (1952) The Career of the Chicago Public School Teacher. *American Journal of Technology* 57(5), 470-477.
- Benjamin Chan Yin-Fah, Laily Paim, Jariah Masud, Tengku Aizan Hamid (2010) The Future of the Malaysian Older Employees: An Exploratory Study. *International Journal of Business and Management* 5(4), 125-132.
- Benjamin Chan Yin-Fah, Jariah Masud, Tengku Aizan Hamid & Laily Paim. 2010. Financial Wellbeing of Older Peninsular Malaysians: A Gender Comparison. *Asian Social Science* pp.58-71.
- Ching WC, Hsi PL (2007) Factors Influencing Online Music Purchase Intention in Taiwan: An Empirical Study Based on the Value-Intention Framework. *Internet Research* 17(2), 139-155.
- Chowa GAN, Ansong D, Ibrahim H (2007) Asset Outcomes for Women and Children A Research Review. Center for Social Development Washington University in St. Louis. *CSD Working Paper* No. 07-28.
- Dahlia Ibrahim, Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa (2009) A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students. *Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture* 5(4), 51-59.
- Delafrooz N, Laily Paim (2011) Determinants of Saving Behavior and Financial Problem among Employees in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 5(7), 222-228.
- Doss C (2005) The Effects of Intrahousehold Property Ownership on Expenditure Pattern in Ghana. *Journal of African Economies* 15(1), 149-180.

- Educational Planning and Research Division (EPRD) (2014) *Quick Facts 2014 Malaysian Educational Statistics*. Educational Data Sector, Ministry of Education Malaysia, Putrajaya.
- Eggert A, Ulaga W (2002) Customer Perceived Value: A Substitute for Satisfaction in Business Markets. *The Journal of Business & Industrial Marketing* 17(2/3), 107-118.
- Ekerdt DJ, Hackney J (2002) Workers' Ignorance of Retirement Benefits. *The Gerontologist* 42, 543-551.
- Faoziah Idris, Krishnan DKS, Norfiza Azmi (2013) Relationship between Financial Literacy and Financial Distress among Youths in Malaysia - An Empirical Study. *Malaysian Journal of Society and Space* 9 (4), 106-117.
- Folk Jee Yoong, Beh Loo See, Diana-Lea Baronovich (2012) Financial Literacy Key to Retirement Planning in Malaysia. *Journal of Management and Sustainability* 2 (1), 75-86.
- Friedman M (1957) *A Theory of the Consumption Function*. Princeton University Press, Princeton NJ.
- Greenberg DH, McCall JJ (1974) Analysis of the Educational Personnel System: VII. Teacher Mobility in Michigan. Rand Santa Monica, CA.
- Jariah M, Husniyah AR, Laily P, Britt S (2004) Financial Behavior and Problems among University Students: Need for Financial Education. *Journal of Personal Finance* 3(1), 82-96.
- Joo SH, Grable JE (2005) Employee Education and the Likelihood of Having a Retirement Savings Program. *Financial Counseling and Planning* 16(1), 37-49.
- Kim J, Kwon J, Anderson EA (2005) Factors Related to Retirement Confidence: Retirement Preparation and Workplace Financial Education. *Financial Counseling and Planning* 16(2), 77-89.
- Lai MM, Tan WK (2009) An Empirical Analysis of Personal Financial Planning in an Emerging Economy. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences* 16, 99-111.
- Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) (2013) Addressing the Life Insurance Protection Gap in Malaysia. [Cited 15/3/2015]. Available from: [http://reina.com.my/techsystem/project/liam/index.php?option=com\\_content&view=article&id=200:addressing-the-life-insurance-protection-gap-in-malaysia-&catid=40:english&Itemid=70](http://reina.com.my/techsystem/project/liam/index.php?option=com_content&view=article&id=200:addressing-the-life-insurance-protection-gap-in-malaysia-&catid=40:english&Itemid=70).
- Ling GS, Fernandez JL (2010) Labour Force Participation of Elderly Persons in Penang. Paper presented at the *International Conference on Business and Economic Research Sarawak*, Malaysia 15 -16 March.
- Lusardi A (2007) Baby Boomers Retirement Security: The Role of Planning, Financial Literacy and Housing Wealth. *Journal of Monetary Economics* 54, 205-224.
- M. Krishna Moorthy, Thamil Durai a/l Chelliah, Chiau Shu Sien, Lai Chin Leong, Ng Ze Kai Wong Choy Rhu, Wong Yoke Teng (2012) A Study on the Retirement Planning Behaviour of Working Individuals in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences* 1(2), 54-72.
- Magrabi FM, Chung YS, Cha & SS, Yang S-J (1991) *The Economics of Household Consumption*. Praeger, New York.
- Mahdzan NS, Tabiani S (2013) The Impact of Financial Literacy on Individual Saving: An Explanatory Study in Malaysian Context. *Transformations in Business & Economics* 12(1), 41-44.
- Mahmud AS, Uma K, Vinod K (2008) Role of Different Electronic-Commerce (EC) Quality Factors on Purchase Decision: A Developing Country Perspective. *Journal of Electronic Commerce Research* 9(2), 92-113.
- Maslow AH (1954) *Motivation and Personality*. Harper and Row Publisher, New York.
- Matas A, Raymond JL (2008) Changes in the Structure of Car Ownership in Spain. *Transportation Research Part A* 42,187-202.
- Mazanah M, Mazalan K (2002) Policy and Learning Program for Malaysian Elderly: An Analysis. Paper Presented in the 21st Annual Conference of Canadian Association for the Study of Adult Education.
- Maznita Mokhtar, Azman Ismail (2013) Shariah Issues in Managing Household Debt: The Case of Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 37, 63-76.
- Ming-Ming Lai, Wei-Khong Tan (2009) An Empirical Analysis of Personal Financial Planning in an Emerging Economy. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences* 16, 99-111.

- Mohamad Fazli Sabri, Teo Tze Juen (2014) The influence of Financial Literacy, Saving Behaviour and Financial Management on Retirement Confidence among Women Working in the Malaysian Public Sector. *Asian Social Science* **10** (14), 40-51.
- Mohamad Fazli Sabri, McDonald M, Tahira KH, Jariah Masud (2010) Childhood Consumer Experience and the Financial Literacy of College Students in Malaysia. *Family & Consumer Sciences Research Journal* **38**(4), 455-467.
- Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Khairil Faizal Khairi, Fuadah Johari, Azrul Azlan Iskandar Mirza, Nurul Izzati Nordin (2014) A Review on Literatures in Planning and Managing of Islamic Wealth Distribution (2001-2013). *Library Philosophy and Practice* (e-journal). [Cited 10/2/2015]. Available from: <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/1144>.
- Noor Azizah Shaari, NurFadilah Abu Hassan, Ramesh Kumar Moona Mohamed, Mior Ahmad Jafri Md. Sabri (2013) Financial Literacy: A Study among the University Students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* **5**(2), 279-299.
- Potoglou D, Kanaroglou PS (2008) Modelling Car Ownership in Urban Areas: A Case Study of Hamilton, Canada. *Journal of Transport Geography* **16**, 42–54.
- Ross CE, Huber J (1985) Hardship and Depression. *Journal of Health and Social Behavior* **26**, 312-327.
- Roza Hazli Zakaria, Noor Ismawati Mohd Jaafar, Sabitha Marican (2012) Financial Behavior and Financial Position: A Structural Equation Modelling Approach. *Middle- East Journal of Scientific Research* **11** (5), 602-609
- Tan Hui Boon, Hoe Siew Yee, Hung Woan Ting (2011) Financial Literacy and Personal Financial Planning in Klang Valley, Malaysia. *Int. Journal of Economics and Management* **5**(1), 149 – 168.
- Tan Wee Lee, Santhi Govindan (2014) Emerging Issues in Car Purchasing Decision. *Academic Research International* **5**(5), 169-179.